

SOALAN NO. 471

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD

[BUKIT GANTANG]

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah bilangan gelandangan di bandar raya Kuala Lumpur yang direkodkan mengikut bangsa sehingga Mei 2017 dan apakah faktor-faktor wujudnya fenomena tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Di negara kita, golongan gelandangan tertumpu sebilangan besarnya di Lembah Klang dan bandar-bandar besar lain seperti Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kuching.

Pendaftaran golongan gelandangan dilaksanakan oleh KPWKMM menerusi **Anjung Singgah** iaitu sebuah **pusat sehenti intervensi** yang dikendalikan oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Sejak mula beroperasi pada 9 April 2011 sehingga Mei 2017, sejumlah **1,942 orang** gelandangan secara sukarela yang ingin mengubah kehidupan mereka telah mendapatkan khidmat bantuan sosial di Anjung Singgah Kuala Lumpur. Berikut adalah pecahan mengikut bangsa bagi golongan gelandangan yang telah didaftarkan di Anjung Singgah Kuala Lumpur.

**STATISTIK GELANDANGAN YANG TELAH BERDAFTAR DI
ANJUNG SINGGAH KUALA LUMPUR SEHINGGA BULAN MEI 2017**

BANGSA	PENGHUNI		JUMLAH
	LELAKI	PEREMPUAN	
Melayu	980	340	1320
Cina	225	43	268
India	162	97	259
Lain-lain	72	23	95
JUMLAH	1439	503	1942

Selain Anjung Singgah yang ditubuhkan oleh YKN, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) turut menubuhkan **Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur di Jalan Pahang, Kuala Lumpur** sebagai pusat penginapan sementara kepada golongan gelandangan di sekitar Kuala Lumpur. Penubuhan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur di Jalan Pahang ini merupakan hasil daripada kerjasama strategik yang dijalin antara KWP, KPWKM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, *Malaysian Resources Corporation Berhad* dan NGO. Pusat Transit ini telah mula beroperasi pada 10 Februari 2016 dan sehingga bulan Mei 2017, seramai **991** orang gelandangan telah mendaftar masuk dan mendapatkan kemudahan di pusat ini.

Tuan Yang Dipertua,

Antara faktor-faktor wujudnya fenomena gelandangan di negara kita adalah seperti berikut:

1. Tidak mempunyai pekerjaan tetap

Kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan tetap berikutan faktor kesihatan mental, fizikal serta taraf pendidikan yang rendah menyebabkan golongan ini bergelandangan kerana terpaksa bersaing dengan masyarakat luar. Selain itu, kos hidup yang terlalu tinggi berbanding dengan pendapatan yang diperolehi menjadi faktor mereka bergelandangan.

2. Tidak berkemampuan menyewa rumah /bilik

Kos hidup yang terlalu tinggi berbanding dengan pendapatan yang diperolehi oleh individu di bandaraya Kuala Lumpur menyebabkan mereka tidak berkemampuan untuk menyewa rumah/bilik dan menyediakan wang pendahuluan sewaan. Akibat tidak mampu membayar sewa rumah yang tertunggak mereka telah dihalau keluar dari rumah dan hidup bergelandangan.

3. Mempunyai Penyakit Berjangkit Seperti AIDS, HIV, TIBI, Hepatitis C dan Penyakit Kulit Yang Kronik

Golongan ini sukar mendapat pekerjaan kerana faktor kesihatan yang dihadapi telah membataskan kerjaya mereka dan sukar untuk bergaul dan bekerja dalam bidang-bidang tertentu dalam kelompok yang ramai.

4. Ketagihan Dadah Dan Alkohol

Individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah serta alkohol akan menyebabkan mereka sukar mendapatkan pekerjaan akibat ketagihan yang melampau sehingga boleh membahayakan keselamatan orang lain.

5. Penyakit Mental

Terdapat juga individu yang mempunyai penyakit mental telah diabaikan dan hilang sokongan ahli keluarga. Pengambilan ubat dan rawatan yang diambil sebelum ini untuk mengawal kesakitan telah dihentikan dan menyebabkan mereka terbiar di kaki lima dan merayau tanpa arah tujuan.

6. **Konflik Keluarga**

Konflik keluarga berlaku apabila individu terpaksa melalui situasi keluarga yang berpecah belah sehingga menyebabkan perceraian, penderaan, kematian atau dihalau keluar dari rumah.

7. **Terkandas atas faktor kehilangan pekerjaan/penipuan ejen pekerjaan**

Informasi yang tidak jelas mengenai peluang-peluang pekerjaan di bandaraya telah menyebabkan generasi muda yang berhijrah telah ditipu oleh ejen-ejen pencari kerja.

8. **Bekas Banduan**

Individu merupakan bekas tahanan pusat serenti yang tidak mendapat sokongan ahli keluarga dan disisihkan daripada masyarakat. Ini menyebabkan mereka tiada tempat tinggal tetap dan terpaksa bergelandangan.